



JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR

SIARAN MEDIA

5 Februari 2020

KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI MUSIM PANAS DAN KERING BAGI MENANGANI PEMBAKARAN TERBUKA

SITUASI PERSEKITARAN SEMASA

Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah mengambil maklum bahawa Malaysia sedang mengalami cuaca panas dan kering sehingga penghujung Mac 2020 disebabkan oleh fasa penghujung Monsun Timur Laut dan menjadikan keadaan cuaca menjadi kering dan kurang taburan hujan.

Keadaan ini boleh menyebabkan kawasan yang mudah dan sering terbakar berpotensi untuk mengalami pembakaran terbuka dan boleh menjejaskan kualiti udara dan kesihatan awam.

Justeru itu, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor sedang meningkatkan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan di seluruh negeri bagi memastikan tiada berlaku pembakaran terbuka.

LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN PEMBAKARAN TERBUKA

Di antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor bersama-sama dengan agensi yang terlibat di dalam mencegah berlakunya pembakaran terbuka adalah seperti:

1. Menjalankan rondaan fizikal dan menggunakan dron bagi memantau kejadian pembakaran terbuka oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab;
2. Meningkatkan kekerapan dan kawasan rondaan serta pemantauan udara melalui dron di kawasan berisiko terbakar dan kawasan yang telah dikenal pasti mudah terbakar (fire prone areas) seperti kawasan tanah gambut dan tapak pelupusan sampah oleh Pihak Berkuasa Negeri;
3. Mengupayakan pemantauan komuniti (community surveillance empowerment) melalui Program Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) bagi membantu memantau kes-kes pembakaran terbuka;
4. Meningkatkan program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (program CEPA) dan program penyertaan komuniti sebagai tindakan pencegahan;
5. Memantau status kualiti udara semasa melalui 8 stesen automatik JAS dan memantau status cuaca semasa dan ramalan cuaca oleh Jabatan Meteorologi Malaysia; dan
6. Meningkatkan penguatkuasaan seperti tindakan mahkamah dan kompaun di bawah Seksyen 29A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 oleh JAS dan semua agensi yang telah diwakilkan kuasa. Agensi-agensi penguatkuasaan lain yang mempunyai perundangan sedia ada

juga sedang meningkatkan penguatkuasaan di bawah bidang kuasa masing-masing.

KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI MUSIM PANAS DAN KERING

Kebiasaannya aktiviti pembakaran terbuka dijangka akan meningkat terutamanya ketika cuaca panas dan kering dan boleh mengakibatkan kemerosotan kualiti udara serta kacau ganggu kepada penduduk setempat. Antara usaha yang telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor bagi memastikan kualiti udara tidak terjejas teruk akibat daripada aktiviti pembakaran terbuka tersebut adalah dengan:

- (a) Merancang lebih banyak program atau aktiviti kesedaran kepada orang awam seperti hebahan melalui media televisyen dan radio;
- (b) Mengadakan Kempen Larangan Pembakaran Terbuka melalui program ceramah bersama komuniti setempat dan juga kepada sektor pertanian, perladangan, industri dan pemaju (tapak pembinaan); dan
- (c) Mengadakan Program Hari Bersama Pelanggan kepada penduduk setempat mengenai kepentingan menjaga kawasan tanah gambut. Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah merancang untuk mengadakan Program 'Fun Ride' di kawasan tanah gambut di Daerah Pontian.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN

JAS mengeluarkan amaran keras kepada semua pemilik tanah untuk memantau tanah masing-masing secara rapi terutama di kawasan-kawasan

yang mudah dan sering terbakar seperti tanah gambut, kawasan pertanian, ladang, tapak pembinaan, tapak pelupusan sampah (termasuk tapak pelupusan sampah haram), hutan, belukar dan kawasan perindustrian. Pemilik tanah juga dikehendaki mengambil langkah mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka. Tindakan tegas akan diambil kepada mana-mana pihak yang tidak bertanggung jawab menyebabkan pembakaran terbuka termasuk pemilik tanah. **Di bawah Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan tindakan mahkamah dengan denda sehingga RM500,000 atau penjara sehingga 5 tahun atau kedua-duanya sekali.**

NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

Orang ramai dinasihatkan supaya tidak melakukan pembakaran terbuka dan melaporkan kes-kes pembakaran terbuka kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor di talian 07-5500 522 / 523 atau di talian bebas tol, 1-800-88-2727 dan <https://eaduan.doe.gov.my> serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di talian 999. Orang ramai juga boleh menyemak bacaan IPU dan maklumat terkini status kualiti udara melalui laman portal JAS: www.doe.gov.my serta melalui aplikasi telefon pintar 'MyIPU'.

- Tamat -



Mohd Famey bin Yusoff
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor